

PM boleh tarik balik hasrat bersara: Ku Li

BH 13 OCT 2002

Oleh RAMLI IBRAHIM

GUA MUSANG: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad boleh menarik balik hasrat untuk bersara dan menimbang semula agar bertanding pada pilihan raya umum akan datang berikutan desakan pelbagai pihak, kata Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah.

Beliau berkata, keputusan Perdana Menteri untuk tidak bertanding seperti diumumkan se-

belum ini boleh ditarik balik berdasarkan permintaan ramai yang mahukan perkhidmatannya.

"Memang baguslah kalau Dr Mahathir sedia terus bertanding kerana ramai yang mahu beliau berbuat demikian," katanya kepada pemberita selepas Majlis Sumbangsih Jalinan Mesra di sini, semalam.

Beliau mengulas mengenai desakan beberapa pihak termasuk Konvensyen Umno Kelantan supaya Dr Mahathir menarik ba-

lik keputusan untuk tidak bertanding dalam pilihan raya umum akan datang.

Pengerusi Jawatankuasa Konvensyen Umno Kelantan, Datuk Ibrahim Ali, dalam kenyataan semalam, menyebut konvensyen pada 26 Oktober itu dijangka merumuskan usul mendesak Dr Mahathir bertanding semula.

Tengku Razaleigh yang juga Ketua Umno Bahagian Gua Musang berkata, desakan itu membuktikan khidmat Dr Mahathir masih diperlukan oleh rakyat

negara ini bagi menerajui pimpinan Umno dan kerajaan Barisan Nasional (BN).

Katanya, Dr Mahathir adalah pemimpin yang berani danantang bersuara di peringkat antarabangsa hingga pandangannya diterima di peringkat antarabangsa.

"Kita alu-alukan kalau Dr Mahathir boleh meneruskan khidmat, tetapi kita tidak boleh paksa... terserah kepadanya untuk membuat pertimbangan," katanya.